

UCAPAN BAJET 2022

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana di atas limpah dan kurnia-Nya serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2022.

- 1.2 Proses penyediaan Bajet 2022 telah bermula daripada Perbincangan Bajet Bersama Ahli Majlis yang dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar pada 7 Julai 2021. Proses libat urus ini diadakan awal bertujuan untuk memaklumkan hala tuju dan perancangan Majlis serta pandangan dan input-input daripada Ahli Majlis di dalam penyediaan Bajet 2022. Hasil daripada perbincangan tersebut, Majlis telah menyediakan borang secara atas talian (*online*) kepada penduduk bagi memberikan pandangan, cadangan serta idea selama 18 hari bermula 15 Julai 2021 hingga 1 Ogos 2021.

- 1.3 Hasil daripada analisis maklumbalas penduduk tersebut, Majlis telah menerima sebanyak 223 maklumbalas dan cadangan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 199 adalah berkaitan langsung dengan bajet yang akan disediakan. Manakala 24 maklumbalas/cadangan merupakan pandangan untuk menambahbaik perjalanan operasi Majlis. Daripada 199 permohonan bajet yang diterima, sebanyak 25 cadangan sedang dilaksanakan pada tahun 2021. Manakala sebanyak 109 cadangan telah dimasukkan di dalam peruntukan tahun 2022. Sebanyak 32 cadangan pula akan dimasukkan di dalam Bajet 2023. Selebihnya cadangan yang diterima tidak akan diambilkira disebabkan perkara tersebut telah diambilkira pada tahun ini dan tahun sebelumnya atau Majlis menghadapi masalah teknikal di tempat yang dicadangkan. Daripada 199 cadangan yang diterima juga, sebanyak 75% cadangan adalah berkaitan dengan menaiktaraf infrastruktur, kemudahan awam dan kawasan lapang. Sebanyak 8% bagi pembangunan sosial ekonomi golongan B40, 8% berkaitan dengan CCTV dan keselamatan, 6.5% berkaitan dengan kebersihan bandar dan selebihnya adalah berkaitan dengan pengangkutan awam.
- 1.4 Pemeriksaan Bajet 2022 diteruskan di peringkat jabatan sepanjang bulan Ogos 2021. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, pelaksanaan perkhidmatan dan program Majlis diselaraskan dan disesuaikan dengan

10 Program Berimpak Tinggi (*10 Thematic Programme*) bagi merancang Bajet 2022.

- 1.5 Seterusnya, pembentangan Cadangan Bajet 2022 telah diadakan sekali lagi bersama Ahli-Ahli Majlis pada 2 September 2021. Pembentangan ini telah memberi penjelasan secara terperinci ke atas cadangan Bajet 2022 yang memberi fokus kepada program yang berimpak tinggi kepada penduduk. Pada 27 September 2021 pula telah diadakan sesi '*Town Hall*' Dialog Bajet Tahun 2022 secara *virtual* atas talian Bersama ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/NGO. Hasil daripada sesi ini, wakil penduduk telah memberi sambutan yang baik dan jelas dengan Cadangan Bajet yang dibentangkan. Sebanyak 205 permohonan telah disalurkan kepada jabatan terlibat untuk dianalisa dan diambil tindakan. Cadangan Bajet 2022 seterusnya telah dibahasakan dengan lebih terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Khas) Bajet pada 30 September 2021. Setelah melalui proses ini, maka pada hari ini dibentangkan Cadangan Bajet Tahun 2022 untuk kelulusan Majlis. Setelah diluluskan, Cadangan Bajet ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk pengesahan.

Ahli-Ahli Majlis yang dihormati sekalian,

2. BAJET PASCA PANDEMIK COVID-19

- 2.1 Pandemik Covid-19 mentransformasi senario global dan membuktikan kesihatan tunggak kehidupan. Ia melumpuhkan ekonomi dan sosial pada skala yang tidak pernah dijangka. Isu di peringkat global ini telah memberi kesan kepada seluruh dunia termasuklah komuniti di peringkat tempatan. Kesan yang ketara kepada pembangunan ekonomi bandar setempat dapat dilihat melalui penyusutan kutipan hasil bukan cukai Majlis seperti penurunan permohonan kebenaran merancang dan lesen serta permit, penurunan pulangan pelaburan, penurunan kutipan sewa seperti ruang-ruang *billboard* yang kosong. Bilangan penjaja tanpa lesen juga meningkat serta masalah kemiskinan bandar menjadi semakin ketara. Kutipan keseluruhan hasil Majlis telah terjejas apabila hasil Majlis pada tahun 2019 berjumlah RM385 juta, menyusut kepada RM363 juta pada tahun 2020 iaitu penyusutan sebanyak RM22 juta atau 5.71%.
- 2.2 Petunjuk ekonomi KDNK pada tahun 2020 menunjukkan Selangor menyumbang sebanyak 24.3% dan pada tahun ini menurun kepada 5.3%. Ekonomi negara juga telah mengalami kejatuhan sebanyak 5.6%. Penduduk berkepadatan tinggi rentan kepada penularan wabak Covid-19. Kewujudan pasar-pasar awam dan aktiviti perniagaan yang tidak dikawal

dengan sempurna menularkan aduan-aduan yang tidak sihat. Peningkatan masalah kesihatan mental juga dilihat turut memberi impak besar kepada masyarakat.

- 2.3 Oleh itu, kerangka Bajet 2022 harus mengambilkira kesan kehidupan era pasca pandemik dan mesti disusun supaya perjalanan, pemulihan ekonomi dan kesejahteraan kehidupan rakyat Petaling Jaya lebih teratur menuju matlamatnya. Peralihan fasa pandemik kepada endemik memerlukan pengurusan bandar yang lebih berdayatahan dan menyeluruh dilaksanakan. Selaras itu, Majlis perlu menjadi moderator dan fasilitator bagi merancakkan semula aktiviti ekonomi setempat. Pelarasan punca hasil tertentu perlu dilaksanakan kerana rata-rata perniagaan serta perusahaan sudah lumpuh. Penyediaan Bajet 2022 harus menumpu kepada melaksanakan langkah-langkah kawalan perbelanjaan yang ketat dengan mengurangkan kos pengurusan dan melaksanakan projek-projek pembangunan secara terpilih. Keutamaan akan diberikan kepada meneruskan projek-projek sediaada (projek sambung), projek-projek yang telah komited dan projek yang boleh merancakkan semula ekonomi.
- 2.4 Bajet 2022 pasca pandemik juga akan menumpu kepada membangun semula kehidupan golongan miskin bandar, menggerak inisiatif keusahawanan, menyusun semula tenaga kerja Majlis menuju digitalisasi dan dalam talian dengan pengurangan berkomunikasi secara fizikal serta

impak bekerja dari rumah. Majlis akan sentiasa menyokong dan memantau usaha Kerajaan Negeri serta NGO dalam memulihkan kehidupan rakyat setempat.

Ahli-Ahli Majlis yang dihormati sekalian,

3. TEMA BAJET 2022

3.1 Panduan asas bagi penyediaan Bajet 2022 adalah pelan strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang mempunyai 4 Teras iaitu melaksanakan tadbir urus yang cekap, berkesan dan berintegriti, memastikan perancangan pembangunan teratur, mampan dan peduli komuniti (inklusif), memperluaskan penggunaan teknologi ICT dan aplikasi dalam semua aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha menambah nilai tinggi kepada ekonomi bandar dan hasil Majlis serta *Blueprint* Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030 meliputi Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik.

3.2 Majlis juga telah menetapkan 10 *Thematic* Projek Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdayatahan (PJSSR) 2030 meliputi seperti berikut:-

i. Smart City

- ii. Inclusive City
- iii. Low Carbon City
- iv. Child Friendly City
- v. Learning City
- vi. Economical Vibrant City
- vii. Circular Economy City
- viii. Society 5.0 City
- ix. Safe And Resilient City
- x. E-Governance City

3.3 Menjelang 2030, *dashboard* mengandungi maklumat keadaan semasa dan sasaran 2030 serta strategi pelaksanaan secara tahunan telah disediakan. Pelan Strategik Bandaraya ini telah menggabungkan semua inisiatif ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdaya tahan mengambilkira aspirasi penduduk Petaling Jaya, *'key areas' PJ Sustainable 2030* dan usaha lokalisasi *Sustainable Development Goals (SDGs)* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sasaran dan KPI yang ditetapkan oleh Majlis, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan *New Urban Agenda* diukur pencapaiannya melalui kaedah *Smart City*.

3.4 Elemen-elemen yang termasuk di bawah *'Smart'* adalah pembangunan aplikasi menggunakan IOT, sistem berasaskan perisian GIS, pelan *spatial*

PJ City One Map bagi 42 *dashboard* berteraskan usaha menjadikan Petaling Jaya bandaraya 'clean', 'green', 'safe', 'connected' dan 'happy' meliputi sektor 'City Planning & Development', 'City Community Development', 'City Business', 'City Management & Enforcement' dan 'City Town Services'. *Dashboard* ini akan memberikan maklumat, penganalisaan dan pencapaian KPI pembangunan mampan dan *resilient city* Petaling Jaya. Inisiatif pembangunan mampan dianalisa dan diukur pencapaian melalui *Dashboard Circular Economy, PJKITA Community, PKKPJ, Safe City, Learning City, Child Friendly City, Women Empowering Program, SPAH, Universal Design* manakala inisiatif *Resilient City* diukur pencapaian melalui *Dashboard Landuse Planning, Smart Material Change, OSHE, Smart Development Control, Low Carbon, I-Map Aduan, Environment Quality Control, Road Management, Disaster Prevention & Control, Drainage Management, Tree Management System, Building Enforcement*. Pelaksanaan *PJ Smart City* akan dibuat menggunakan peruntukan Tabung Amanah Caj Pemajuan.

- 3.5 Meskipun berdepan dengan situasi pandemik dan kelembapan ekonomi serta cabaran mengutip hasil cukai dan bukan cukai, bajet Majlis akan dibuat secara berhemah dan *back to basic*. Walau bagaimanapun, Majlis akan terus komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan *PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030* secara lebih fokus melalui kaedah *micro planning*. Pembangunan mampan adalah merupakan teras utama yang

sangat sinonim dan relevan bagi bandaraya Petaling Jaya. Majlis juga melihat kepentingan mewujudkan *engagement*, hubungan rapat, memperkasakan dan memperluaskan rangkaian kolaborasi dengan segenap golongan komuniti. Kedua-dua aspek penting ini membentuk tema bajet tahun 2022. Oleh itu, sukacita saya memaklumkan bahawa tema Bajet Tahun 2022 adalah ***'Petaling Jaya Responsif dan Berdayatahan'***.

3.6 Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip berdayatahan dan berdayahuni, *'value for money'*, kemudahan serta perkhidmatan mampu bayar, efisien dan pintar dengan memberi fokus kepada pembangunan seperti berikut:-

- 3.6.1 **Program Pembangunan Alam Sekitar** – Pengurusan Landskap, Taman, Padang, Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
- 3.6.2 **Program Habitat Berdaya Huni** – Kemudahan Awam, Infrastruktur Berkualiti dan Keselamatan Bandar
- 3.6.3 **Program Pembangunan Ekonomi Setempat** – Pembangunan Usahawan, *Circular Economy* dan Pembangunan Sektor
- 3.6.4 **Program Komuniti Mampan** – Pembasmian Kemiskinan, Kemasyarakatan, Pemerkasaan Wanita, Remaja, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU)

4. FOKUS BAJET 2022

4.1 Program Pembangunan Alam Sekitar – Pengurusan Landskap, Taman, Padang, Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan Persekitaran

4.1.1 Pengurusan Landskap, Taman Dan Padang

Pelaksanaan Projek Rejuvenasi Taman Tasik Jaya yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2021 akan dijalankan semula pada tahun 2022 akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021. Melalui projek ini, ia akan memberikan imej baharu kepada karektor bandar Petaling Jaya. Untuk maksud itu, Majlis telah merancang usaha menaiktaraf dan membaikpulih taman ini secara berfasa dengan memperuntukkan sejumlah RM2.5 juta untuk fasa pertama bagi kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “*water gate*” dan kerja-kerja “*desilting*” kolam di Taman Tasik Jaya. Manakala fasa kedua yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf plaza, laluan pejalan kaki dan kemudahan rekreasi akan dilaksanakan pada tahun seterusnya.

Untuk merealisasikan hasrat Majlis dalam menyediakan kemudahan aktiviti riadah dan meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta bagi membangunkan sebuah

taman awam di Padang Kota (Taman Jelutong) Fasa 1, Seksyen 4 Kota Damansara yang merangkumi keluasan 19.4 ekar secara “*interconnected*” bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan.

Selain itu, Majlis juga memberikan perhatian yang serius terhadap kemudahan rekreasi dan sukan di Petaling Jaya yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Untuk maksud ini, Majlis akan memperuntukkan sejumlah RM4.39 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran di 19 kawasan lapang dan taman seperti senarai berikut :

- a) Kawasan lapang di Jalan BU 3/5, Bandar Utama,
- b) Kawasan lapang di Gugusan Dahlia, Pekaka 8/7,
- c) Kawasan lapang di Mc Sonia Pekaka 8/11,
- d) Kawasan lapang di Gugusan Dedap 9, Kenyalang 11/1,
- e) Kawasan lapang di Gugusan Kantan, Nuri 7/4,
- f) Kawasan lapang di Gugusan Kemboja, Nuri 7/4,
- g) Kawasan lapang di Gugusan Melur, Camar 4/5B,
- h) Kawasan lapang di Jalan SS 21/50,
- i) Kawasan lapang di Jalan SS 23/19,
- j) Kawasan lapang di Jalan SS 25/9,
- k) Kawasan lapang di Jalan SS 2/92,

- l) Kawasan lapang di Jalan SS 2/72,
- m) Kawasan lapang di Jalan SS 20/26,
- n) Kawasan lapang di Seksyen 4 Kuarters Inai Merah,
- o) Kawasan lapang di Jalan PJS 1/54
- p) Kawasan lapang di Jalan Medan 15
- q) Kawasan lapang di Jalan SS 5C/9,
- r) Kawasan lapang di Jalan PJS 6/4E.

Majlis sentiasa peka terhadap kemampanan alam sekitar di dalam memacu pembangunan di Petaling Jaya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menanam pokok untuk mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM200,000 diperuntukkan untuk Program Penghijauan melalui penanaman pokok teduhan bagi meneutralkan 40% karbon dioksida dengan mengurangkan sumber karbon dan meningkatkan penyerapan karbon melalui pendekatan rekabentuk landskap menjelang tahun 2030.

Selain itu, Majlis memperuntukkan sebanyak RM200,000 bagi meneruskan penyelenggaraan sistem aerator di taman-taman awam yang mempunyai tasik sebagai tanda sokongan berterusan Majlis dalam memelihara kualiti persekitaran yang mampan dan berfungsi sebagai penyerap karbon

dioksida dari atmosfera dan membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik. Bagi meningkatkan lagi inisiatif perbandaran ke arah Bandaraya Rendah Karbon, Majlis memperuntukkan sejumlah RM300,000 untuk menjalankan kajian penilaian serapan dan pengeluaran karbon di kawasan Taman Bandaran Kelana Jaya dan sekitar khususnya dalam regenerasi dan “*climate adaptation or mitigation*” di dalam pembangunan.

Majlis menerima banyak aduan mengenai kegagalan atau kerungsingan orang awam terhadap kestabilan dan risiko pokok tumbang, serta mempertikaikan peranan pokok di persekitaran mereka. Sebagai langkah proaktif Majlis memperuntukkan sejumlah RM400,000 bagi menangani permasalahan pokok berisiko secara efektif dan sistematik pada tahap muda, separa matang dan matang melalui pelaksanaan Pengurusan Pokok Berisiko di sepanjang Jalan Bahagia, Jalan PENCHALA, Jalan Templer dan sekitar Pusat Bandar Seksyen 52.

Menyedari betapa pentingnya pengurusan penyelenggaraan landskap sebagai perkhidmatan teras yang perlu disediakan kepada warga Petaling Jaya, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di 37 kawasan

secara inklusif merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta pelupusan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang bagi mengekalkan persekitaran bandaraya yang bersih dan indah.

Aktiviti riadah sebagai amalan gaya hidup sihat di kalangan warga Petaling Jaya menjadi agenda utama di dalam pembentukan komuniti sejahtera dan bahagia, Majlis telah menyediakan ruang dan peluang untuk mereka beriadah di taman dan kawasan lapang di sekitar kediaman mereka. Untuk itu, Majlis memperuntukkan sejumlah RM4.8 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di 16 buah taman awam dengan lebih komprehensif bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat di samping berfungsi sebagai platform integrasi sosial.

Selain dari itu, Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi melantik 13 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan alatan senaman luar, peralatan permainan kanak-kanak dan kemudahan sediada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

Majlis sentiasa prihatin dan komited dalam membantu meringankan bebanan warga Petaling Jaya dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu ekoran penularan wabak Covid-19. Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk meneruskan pelaksanaan Program Pembudayaan Landskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui Program Pertanian Bandar Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang menjurus kepada kemampanan sosial di kalangan komuniti.

4.1.2 Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan Awam dan Kesihatan Persekitaran

Antara halatuju Majlis adalah untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah pusat kecemerlangan *Circular City* menjelang tahun 2030. Ke arah itu, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti termaktub dalam New Urban Agenda dan Sustainable Development Goals, SDG 11 dan 12 diberi fokus utama. Penekanan ke atas sektor ini tidak dapat diketepikan memandangkan aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mengambil hampir 21% daripada jumlah kutipan hasil cukai Majlis. Objektif pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah menjadikan Petaling Jaya sebagai Masyarakat Sifar Sampah '*Zero Waste Society*',

Pengurusan Sisa Yang Mampan '*Sustainable Waste Management*', Model Bandar Bersih '*Model City on Cleanliness*' dan Bandaraya Berkarbon Rendah '*Low Carbon City*'.

Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM76.18 juta bagi aktiviti kutipan sampah sisa pepejal dan pembersihan awam. Daripada pecahan tersebut, sejumlah RM56.3 juta atau 73.98% adalah dibayar kepada perkhidmatan yang diuruskan oleh *Project Management Company*, iaitu KDEB Waste Management, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor termasuk anggaran RM8.3 juta bagi bayaran fi pelupusan sampah, Kontraktor Gabungan Pembersihan Am dan Penyelenggaraan Landskap (GPL) di Seksyen 52, SS3, SS6, SS7, SS8, SD12 dan SD13 dan Kontraktor Gabungan Kutipan Sisa Pembersihan Awam dan Penyelenggaraan Landskap di Bandar Utama (KPL) manakala baki RM19.8 juta adalah untuk perbelanjaan operasi, perkhidmatan *back up*, pembayaran perkhidmatan kontrak pembersihan bangunan awam termasuk pasar dan medan selera, pengambilalihan kawasan baru serta pelaksanaan program memperkasakan konsep 3R di semua peringkat masyarakat.

Pada masa yang sama, sejumlah RM100,000 akan diperuntukkan untuk menganjurkan kursus kemahiran pengurusan pembersihan pasar dan medan selera awam demi meningkatkan tahap profesionalisma kontraktor. Selaras itu, Majlis akan memastikan piawaian dan spesifikasi

kerja kontraktor adalah mematuhi tahap perkhidmatan yang ditetapkan dengan penekanan kepada kebersihan dan keceriaan Bandaraya Petaling Jaya.

Sejumlah RM100,000 telah diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan kebuk sampah dan kemudahan-kemudahan berkaitan. Bagi tujuan tersebut, selain daripada elemen kebersihan umum, satu paradigma baru diperkenalkan bukan saja di bangunan kebuk sampah, malah pasar, medan selera, hab bas dan lain-lain di mana aspek keceriaan menerusi hiasan lukisan, struktur kesenian berasaskan barangan kitar semula dan elemen lanskap akan diberi fokus. Ke arah itu, penglibatan semua pemegang taruh khususnya golongan peniaga kecil untuk menjaga kebersihan petak gerai masing-masing, mengamalkan praktis kitar semula dan memastikan penggunaan kemudahan awam secara beretika adalah sangat penting dan akan diperhalusi lagi.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang merbahaya terutamanya sisa buangan berjadual isirumah seperti bateri, alat elektrik rumah, lampu dan *bulb* di bawah strategi 3R serta memenuhi keperluan rawatan sisa berjadual di tempat kerja selaras dengan *OSHE* dan *ISO 14001*, Majlis akan memperuntukkan RM300,000 bagi melengkapi perkhidmatan dan kemudahan rawatan sisa berjadual di samping memperkenalkan skim kitar semula *household E-Waste* secara

berperingkat. Skim ini diharap akan dapat mendidik masyarakat berkenaan kepentingan sisa berjadual isirumah yang membahayakan pekerja serta mencemar tapak pelupusan dan alam sekitar jika tidak diasingkan dengan sisa domestik.

Peruntukan untuk pembelian Tong Sampah berjumlah RM86,000 juga akan disediakan di mana sebanyak 50 unit tong sampah bergerak (*mobile garbage bin* 660 liter) dijangka akan diagihkan khusus kepada penduduk di perumahan kos rendah, manakala sejumlah RM330,500 pula diperuntukkan untuk pembelian Tong Kitar Semula.

Bagi Program Penghijauan, sejumlah RM308,000 diperuntukkan bagi memperkasakan lagi program *Low Carbon Cities Framework PJ (LCCF PJ)*. Pemantauan pencapaian *LCCF PJ* akan diperkasakan lagi dengan program membina kapasiti daripada sokongan *GTALCC*, *SEDA* dan *UNDP*. Program meningkatkan tahap pemasangan tenaga pembaharuan suria berasaskan konsep *NEM* akan diperkenalkan dengan sokongan *GTALCC* dan *UNDP*. Daripada jumlah tersebut juga, sejumlah RM250,000 akan diperuntukkan bagi program Skim Rebat Cukai Taksiran. Skim rebat cukai taksiran yang menawarkan 100% atau RM500, mana yang lebih rendah kepada pemilik rumah mesra alam akan diperkasakan lagi pada tahun hadapan dengan pengenalan applikasi *Apps E-Rebat* demi memudahcarakan pengurusan permohonan dan penyimpanan rekod.

Sukacita saya memaklumkan bahawa MBPJ kekal sebagai Pihak Berkuasa Tempatan tunggal di Malaysia yang memberikan perakuan dalam bentuk rebat cukai kepada masyarakat yang mengamalkan gaya hidup mampan dan mengaplikasikan teknologi hijau. Di samping itu, skim meletak kereta secara percuma bagi pembeli kereta hibrid atau elektrik daripada kedai jualan di Petaling Jaya, pemasangan lampu *LED* di lorong belakang, pemberian tong kompos dan latihan di *Smart PJ Waste Solution Lab* secara percuma akan diteruskan.

4.2 Program Habitat Berdaya Huni – Kemudahan Awam, Infrastruktur Berkualiti Dan Keselamatan Bandar

4.2.1 Sebagai PBT prihatin, Majlis akan memastikan pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam yang inklusif dan berdayatahan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya dilaksanakan. Walaupun berhadapan dengan kekangan sumber hasil yang terhad, Majlis tetap berusaha memastikan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur di beri keutamaan.

4.2.2 Usaha-usaha ke arah mewujudkan bandaraya inklusif akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disediakan di bawah Program Bandar Bebas Halangan sebanyak RM450,000 bagi

projek menaiktaraf kemudahan orang kurang upaya (OKU) di Pusat Bandar Kelana Jaya, Petaling Jaya.

4.2.3 Meneruskan kesinambungan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pula, sebanyak RM600,000 telah diperuntukkan kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pada tahun 2022. Sumbangan Geran ini adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan program di kawasan kejiranan penduduk yang kondusif dan selamat.

4.2.4 Program penyelenggaraan jalan dan lalulintas akan diteruskan dengan kos sebanyak RM5.55 juta yang meliputi kerja-kerja penurapan semula jalan, menaiktaraf siarkaki dan bebendul jalan, mengecat garisan jalan, menaiktaraf perabot jalan dengan membaiki *pedestrial railing*, *vehicle guardrail*, mengadakan bonggol jalan, papantanda nama jalan dan papantanda isyarat serta bumbung pejalan kaki. Kerja-kerja menaiktaraf tempat letak kereta berjumlah RM453,000 juga diperuntukkan untuk dilaksanakan di Jalan SS20/10, Jalan SS22/11 dan Jalan PJS 8/9. Untuk makluman semua, Majlis juga dijangka menerima Geran Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) berjumlah RM24.95 juta pada tahun 2022.

4.2.5 Majlis pada tahun 2022 juga memberi keutamaan untuk menyelenggara dan menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya. Untuk itu peruntukan RM2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja Pembaikan Dan Penstabilan Cerun Parit Hujan Lebat Di Jalan Tropicana Selatan, PJU 3 (Berhampiran SMK Tropicana), Petaling Jaya, Selangor dan di Jalan Kenanga SD9/4 dan Jalan Margosa SD10/4E, Sri Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

4.2.6 Untuk memastikan Petaling Jaya bandaraya berdayatahan, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM6.67 juta telah disediakan pada tahun 2022. Cadangan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan seperti berikut :-

- i. Lorong 51A/227A, Seksyen 51A, Petaling Jaya.
- ii. Persiaran Bandar Utama, PJU 6, Petaling Jaya.
- iii. Jalan 19/1A, Seksyen 19, Petaling Jaya.
- iv. Jalan 17/21I, Seksyen 17, Petaling Jaya.
- v. Jalan Melati, Kg. Sg. Kayu Ara, Petaling Jaya.
- vi. Jalan 51A/229, Petaling Jaya.

4.2.7 Selain itu, Majlis juga akan menaiktaraf bangunan dan kemudahan awam dengan peruntukan sebanyak RM9.38 juta bagi Membina Bumbung Gelanggang Futsal di Dataran Anak Muda, menaik taraf

lantai dan meja jualan di Pasar Jalan Othman dan menaiktaraf serta membaiki kerosakan di bangunan ibu pejabat dan Menara MBPJ. Peruntukan sebanyak RM6.93 juta juga disediakan untuk Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Lampu Jalan, Papan Tanda Dan Tiang.

4.3 Program Pembangunan Ekonomi – Pembangunan Usahawan, *Circular Economy* dan Pembangunan Sektor

4.3.1 Program-program bagi membina kapasiti golongan miskin bandar (OKU, warga emas, golongan B40) di kawasan Desa Mentari, Kg. Lindungan, Taman Medan dan Lembah Subang akan melibatkan program-program seperti *e-commerce* karung kitar, bengkel kemahiran, program penjana pendapatan, karnival kerjaya, program tuisyen serta sumbangan-sumbangan lain akan melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

4.3.2 Merujuk kepada arahan Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 11 Jun 2021 telah pun mengarahkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan Selangor mewujudkan Pegawai Perhubungan Usahawan. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telahpun

mewujudkan satu unit Pembangunan Usahawan di bawah Jabatan Pelesenan yang berfungsi menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan, memberi nasihat dan informasi mengenai inisiatif keusahawanan, mengumpul dan mengemaskini data usahawan serta peniaga. Sehubungan dengan itu selaras dengan pelan strategik MBPJ 2021-2025 dan Blueprint Petaling Jaya *Smart, Sustainable, Resilient (PJSSR 2030)*, telah menggariskan 4 strategi utama di bawah Pelan Strategi Pembangunan Usahawan iaitu:-

- i. Menambahbaik Infrastruktur Gerai Dan Penempatan Usahawan Mikro
- ii. Membangunkan Modal Insan Usahawan
- iii. Memperkukuh Ekonomi Usahawan Berdaya Tahan
- iv. Memantapkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Bagi Membangunkan Usahawan

Dengan adanya pelan strategik Pembangunan Usahawan 2030 akan menjadikan usahawan di Petaling Jaya bersifat berdaya tahan dan dapat meningkatkan ekonomi sendiri.

- 4.3.3 Selain itu, golongan peniaga di gerai dan pasar Majlis yang selama ini turut memainkan peranan dalam merancakkan ekonomi bandar akan menerima faedah daripada program-program mempromosikan pasar dan gerai Majlis apabila peruntukan sebanyak RM130,000 dan Program Pembangunan Perniagaan Tred Pasca Covid-19 berjumlah RM50,000 telah disediakan untuk tujuan tersebut.
- 4.3.4 Pengurusan 3R pada tahun 2022 akan diperluaskan selaras dengan skop definisi ekonomi kitaran ataupun *circular economy*. Ke arah itu, Majlis dengan kerjasama beberapa organisasi sedang merangkakan satu pelan *Petaling Jaya Circular Economy Road Map 2030* sebagai kerangka panduan pelaksanaan. Antaranya, konsep ini menyarankan kepada penggunaan sumber secara optima dan efisien bermula daripada peringkat rekabentuk dan perancangan, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasilan daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. Ini bukan sahaja terhad kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air. Majlis akan meneruskan usaha mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaaan sampah serta penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R, perubahan paradigma minda masyarakat dan aplikasi teknologi hijau

dengan lebih giat. Seiring itu, pengurusan *circular economy* Majlis akan dipantau menerusi *dashboard Smart City Petaling Jaya* kelak. Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM200,000 melalui program publisiti dan kempen Jalinan Kasih 3R PJKITA, *Spring Cleaning*, Pengkomposan Sisa Makanan menerusi kaedah *waste to energy*, Pengasingan Sampah di sumber dan Kempen *Waste Warriors* yang bertujuan untuk memupuk semangat Sisa Sifar dan nilai kitar semula di kalangan masyarakat dan semua pemegang taruh lain demi mencapai sasaran PJ Mampan 2030 dan Masyarakat Sisa Sifar 2030 di samping pengurangan kos pelupusan sampah.

- 4.3.5 Pada masa yang sama, selain daripada barangan kitar semula seperti kertas, aluminium, logam dan kaca yang biasa dikutip, bahan lain seperti kotak minuman, *styrofoam*, minyak masak terpakai, kulit kelapa, plastik dan sisa elektronik isirumah turut akan diberi perhatian. Sejumlah RM200,000 akan diperuntukkan bagi melengkap keperluan elektrik di *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 demi memantapkan lagi plaza ini sebagai hab pembelajaran berkenaan kitar semula dan pemprosesan hasilan *upcycle* di bawah konsep *circular economy* yang terunggul di Malaysia.

4.3.6 Peruntukan Geran Komuniti *PJ Social Environment Economy Development (PJ S.E.E.D)* berjumlah RM700,000 akan digunakan bagi merencanakan lagi usaha-usaha untuk melaksanakan inisiatif kemampanan di peringkat komuniti Petaling Jaya berdasarkan halatuju *PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030*.

4.4 Program Komuniti Mampan – Pembasmian Kemiskinan, Kemasyarakatan, Pemerksaan Wanita, Remaja, Warga Emas Dan Orang Kurang Upaya (OKU)

4.4.1 Program dan projek ke arah pembangunan mampan tahun 2022 akan memberi fokus kepada program pembasmian kemiskinan, kemasyarakatan, pemerksaan wanita, remaja, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
1	PJ Sustainable Community Award	200,000
2	Program PJ KITA	110,000
3	Program Kempen Kesihatan	100,000
4	Aktiviti Mesra Rakyat	60,000

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
5	Aktiviti Mesra Industri	50,000
6	Rakan Muda	80,000
7	Aktiviti-Aktiviti Kebudayaan	220,000
8	Program Hal Ehwal Wanita (HEWA) Dan Aktiviti Warga Emas	95,500
9	Aktiviti Pelancongan	150,000
10	Aktiviti Perpustakaan	40,000
11	Aktiviti Belia	80,000
12	Aktiviti Kota Seni	150,000
13	PJ Car Free Day	100,000
14	Bas Percuma Di Petaling Jaya	5,700,000
15	Bantuan Am Kepada Persatuan Dan Pertubuhan Berdaftar	80,000
16	Sesi Outreach Bersama Komuniti Dan Kanak-Kanak Di Petaling Jaya	200,000
17	Karnival Sukan Remaja	150,000
JUMLAH		7,565,500

4.4.2 Peruntukan sebanyak RM200,000 di bawah program *PJ Sustainable Community Award* akan membolehkan Majlis mengenalpasti dan mengiktiraf juara-juara dari kalangan komuniti setempat yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan inisiatif komuniti mampan dan melokalisasi 17 *Sustainable Development Goals*.

4.4.3 Majlis turut mensasarkan untuk menjadi bandar pertama di Malaysia yang mesra dan responsif terhadap golongan kanak-kanak (*Child Friendly City*) menjelang tahun 2023 dan diiktiraf di peringkat dunia oleh *UNICEF*. Ke arah itu, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM200,000 Sesi *Outreach* Bersama Komuniti dan Kanak-Kanak bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya yang akan mengandungi dasar-dasar, polisi dan tindakan-tindakan ke arah mencapai sasaran tersebut.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

5. METODOLOGI PENYEDIAAN BAJET 2022

Bajet Majlis tahun 2022 dirangka berlandaskan kepada metodologi seperti berikut :-

- 5.1 Melaksanakan Konsep '**Zero Based Budgeting**' iaitu dengan
 - i. mengenalpasti sumber hasil baru di samping punca hasil sedia ada yang dapat dikutip pada tahun 2022

- ii. mengambilkira keutamaan perbelanjaan tahun semasa melalui kajiselidik/keperluan pelanggan berdasarkan kemampuan kewangan Majlis.

5.2 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2021;
- ii. Jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2022; dan
- iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.

- 5.3 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar tahun 2020 dan juga prestasi separuh tahun 2021 serta punca-punca hasil baru yang dijangka dapat dikutip pada tahun 2022. Penubuhan *Task Force* yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis untuk mengenalpasti punca-punca hasil baru untuk dilaksanakan dasar/ program/ projek sebaik mendapat kelulusan Mesyuarat Majlis. Langkah-langkah yang lebih agresif akan diambil untuk memastikan segala hasil dapat dikutip dan tidak berlaku kebocoran. Ke dua-dua aspek ini akan dipantau oleh Jawatankuasa Audit dan Kewangan Majlis. Program pendigitalisasi dan *Smart City* ke arah meningkatkan efisiensi di dalam penyampaian

perkhidmatan, mengurangkan kos pengurusan akan dilaksanakan untuk meningkatkan hasil.

5.4 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip pada tahun 2022. Pengurangan kos mengurus dengan mengurangkan pembelian aset dan pembelian termasuk kertas, penggunaan elektrik dan lain-lain ke arah *paperless government*. Mengamalkan perbelanjaan berhemah dan *value for money* untuk setiap program/projek Majlis.

5.5 Manakala anggaran perbelanjaan pembangunan telah disediakan dengan mengambilkira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal untuk pelaksanaan projek pada tahun hadapan. Majlis memfokus kepada kerja/projek penyelenggaraan sambung, projek yang telah mempunyai kelulusan dan memilih untuk melaksanakan projek baru mengikut keperluan. Keutamaan adalah kepada menyediakan kemudahan asas/ infrastruktur berkualiti (*sustainable cities and communities*) kepada penduduk serta infrastruktur dan program bagi menjana ekonomi (pusat-pusat penjaja/ kedai mampu milik) golongan berpendapatan rendah dan paling terjejas (*safe and resilient city*).

- 5.6 Terdapat projek pembangunan yang dibiayai oleh peruntukan Akaun Amanah. Sumber kutipan akaun amanah diterima daripada Kerajaan Negeri ataupun sumbangan daripada pemaju. Perbelanjaan melalui Akaun Amanah telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) sewaktu penubuhannya. Jumlah perbelanjaan Akaun Amanah adalah setakat mana kutipan yang diterima oleh Majlis.
- 5.7 Penyediaan pelan tindakan perancangan kewangan jangka panjang (5 dan 10 tahun) dengan mengambilkira rangka kerja dan garis panduan bajet. Peruntukan juga akan disusun mengikut tahun berdasarkan keupayaan jabatan melaksanakan kerja.
- 5.8 Pengurusan sumber manusia memfokus kepada latihan teknikal dan kompetensi bagi menyiapkan kakitangan di dalam sistem penyampaian yang lebih cekap dan bersedia melaksanakan Pelan Strategik MBPJ serta blueprint '*Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030*'. Penyediaan Pelan Tindakan Sumber Manusia ke arah melahirkan kakitangan Majlis yang komited, professional dan cekap.
- 5.9 Penyediaan Pelan Tindakan Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat di dalam menyampaikan agenda pembangunan dan memperkasakan komuniti dan *stakeholder* di Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. CADANGAN BAJET 2022

6.1 Pada tahun 2022 Majlis mencadangkan bajet *defisit* di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2021* RM	Agihan Belanja (%)	2022 RM	Agihan Belanja (%)	Tambahan/ (Kurangan)	
					RM	(%)
Hasil	368,609,090		388,742,120		20,133,030	5.46
Perbelanjaan Mengurus	307,381,690	79.50%	324,098,940	78.91%	16,717,250	5.44
Perbelanjaan Pembangunan	79,281,440	20.50%	86,629,810	21.09%	7,348,370	9.27
Jumlah Perbelanjaan	386,663,130	100%	410,728,750	100%	24,065,620	6.22
(Defisit)	(18,054,040)		(21,986,630)			
Peratusan	(4.89%)		(5.66%)			

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

6.2 Cadangan Bajet 2022 menunjukkan peratusan defisit yang dicadangkan meningkat berbanding tahun 2021 iaitu daripada 4.89% atau RM18.05 juta kepada 5.66% atau RM21.99 juta. Cadangan awal sewaktu penyediaan Bajet 2022, Majlis mengunjurkan untuk menyediakan Bajet Berimbang, walau bagaimanapun sewaktu pemeriksaan dan

pembentangan terdapat isu-isu perbandaran yang perlu Majlis tangani pada tahun 2022. Maka unjuran bajet *defisit* perlu disediakan oleh Majlis pada tahun 2022.

- 6.3 Majlis akan sentiasa memantau prestasi kutipan hasil dan juga perbelanjaan supaya rezab tunai Majlis akan berada di dalam keadaan yang positif.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7. HASIL

- 7.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Hasil Cukai	270,000,000	278,086,940	8,086,940	3.00%
Hasil Bukan Cukai	87,496,880	99,928,660	12,431,780	14.21%
Terimaan Bukan Hasil	11,112,210	10,726,520	(385,690)	(3.47%)
Jumlah	368,609,090	388,742,120	20,133,030	5.46%

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil 8 pada 20 September 2021

7.2 Hasil Cukai

7.2.1 Tahun 2022 dijangka menampakkan peningkatan daripada sumber hasil cukai taksiran. Pada tahun 2022, Majlis mengunjurkan penambahan hasil cukai taksiran sebanyak RM8.08 juta. Penambahan utama sumber hasil ini adalah daripada jangkaan tambahan pegangan baru di sekitar kawasan Petaling Jaya.

7.2.2 Bagi tahun 2022 juga, Majlis tidak mengambilkira hasil cukai taksiran rumah kos rendah dan rumah kampung yang telah diberi pengecualian oleh Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2016 lagi. Hasil cukai yang tidak diambilkira adalah berjumlah RM5.8 juta.

7.2.3 Hasil cukai taksiran merupakan punca hasil utama Majlis yang menyumbang sebanyak 71.53% daripada anggaran hasil Majlis. Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip hasil cukai sekurang-kurangnya 95% bagi memastikan segala perancangan perbelanjaan yang dirancang dapat dilaksanakan. Saya menyeru kepada pemegang harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran melalui pelbagai cara bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kutipan cukai taksiran ini amat bermakna bagi

meneruskan program/ kerja yang telah dirancang oleh Majlis untuk manfaat rakyat.

7.3 Hasil Bukan Cukai

7.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2022 adalah berjumlah RM99.93 juta iaitu peningkatan sebanyak RM12.43 juta atau 14.21% berbanding anggaran tahun 2021 yang telah disemak semula disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang berjumlah RM87.5 juta. Anggaran Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan keadaan ekonomi semasa di mana impak pandemik Covid-19 terhadap hasil Majlis dijangka akan berterusan sehingga tahun 2022.

7.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	24,232,550	25,669,530	1,436,980	5.93%
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	22,135,500	29,948,550	7,813,050	35.30%

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Jualan Barang- Barang	1,245,080	1,143,900	(101,180)	(8.13%)
Sewaan	14,964,640	16,552,490	1,587,850	10.61%
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	11,670,030	11,771,440	101,410	0.87%
Denda & Kompau	13,249,080	14,842,750	1,593,670	12.03%
Jumlah	87,496,880	99,928,660	12,431,780	14.21%

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

7.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Ia merupakan punca hasil yang tertinggi dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai iaitu berjumlah RM29.95 juta pada tahun 2022 berbanding RM22.14 juta pada tahun 2021.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	3,412,000	3,610,800	198,800	5.80
Bayaran & Bayaran Perkhidmatan	385,000	423,400	38,400	9.97

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan Kubur	329,260	553,920	224,660	68.23
Kolam Renang	226,710	226,720	10	0.00
Perkhidmatan Letak Kereta	12,816,460	20,048,460	7,232,000	56.43
Yuran	1,390,910	1,560,910	170,000	12.22
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen/ Permit	9,350	255,000	245,650	100.00
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	3,565,810	3,269,340	(296,470)	(8.31)
Jumlah	22,135,500	29,948,550	7,813,050	35.30

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

7.3.4 Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit

- i. Hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi di dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit meningkat pada tahun hadapan di mana Majlis menjangkakan ekonomi pada tahun 2022 adalah lebih baik berbanding tahun 2021 walaupun kesan pandemik Covid-19 masih di alami.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit :-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen Perubahan Status Bangunan	1,027,200	1,000,000	(27,200)	(2.65)
Lesen Iklan Tetap	11,596,310	12,573,870	977,560	8.43
Lesen Iklan Sementara	1,620,400	1,505,200	(115,200)	(7.11)
Lesen Perniagaan Dalam Talian	0	1,537,400	1,537,400	100.00
Lesen Perniagaan Perusahaan	5,459,400	5,091,550	(367,850)	(6.74)
Lesen-lesen Perniagaan Industri	190,900	175,850	(15,050)	(7.88)
Lesen Penjaja, Gerai dan Pasar	31,500	31,700	200	0.64
Lesen Hiburan	1,344,700	874,420	(470,280)	(34.97)
Lesen Pusat Perkhidmatan	644,900	596,040	(48,860)	(7.58)
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	2,317,240	2,283,500	(33,740)	(1.46)
Jumlah	24,232,550	25,669,530	1,436,980	5.93

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

7.3.5 Sewaan

Hasil sewaan pada tahun 2022 dianggarkan akan meningkat sebanyak RM1.59 juta daripada unjuran hasil pada tahun 2021 yang berjumlah RM14.96 juta kepada RM16.55 juta. Peningkatan ini adalah kerana Majlis menjangkakan trend terhadap penyewaan premis Majlis bagi aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pasar dan kompleks penjaja adalah lebih baik berbanding tahun 2021.

Lain-lain peningkatan daripada punca hasil sewaan adalah seperti berikut :-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Sewa Kompleks	172,000	192,000	20,000	11.63
Sewa Pasar	3,216,740	3,555,590	338,850	10.53
Sewa Pejabat dan Kilang	1,491,890	1,636,110	144,220	9.67
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,250,980	1,507,520	256,540	20.51
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	1,158,700	407,480	(751,220)	(64.83)
Sewa Kompleks Sukan	45,400	45,430	30	0.07

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lain-Lain Sewaan	7,628,930	9,208,360	1,579,430	20.70
Jumlah	14,964,640	16,552,490	1,587,850	10.61%

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

7.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Pada tahun 2022 punca hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan akan mengalami sedikit peningkatan. Peningkatan sebanyak RM0.10 juta berbanding anggaran tahun 2021 yang berjumlah RM11.67 juta kepada RM11.77 juta disebabkan oleh Majlis menjangkakan peningkatan nilai simpanan tetap Majlis. Kadar-kadar simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank adalah bergantung kepada kadar asas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Berdasarkan keadaan ekonomi pada masa sekarang, Majlis menjangkakan kadar yang ditawarkan oleh bank pada tahun 2022 akan setara dengan tahun 2021.

7.3.7 Denda dan Kompaun

- i. Punca hasil daripada denda dan kompaun akan meningkat sebanyak RM1.59 juta daripada tahun 2021 yang berjumlah RM13.25 juta kepada RM14.82 juta. Majlis akan melaksanakan beberapa pemantauan terutama ke atas kesalahan binaan tanpa kebenaran dan juga kesalahan di bawah Jabatan Kawalan Bangunan. Kompaun daripada Jabatan Penguatkuasa akan meliputi semua kesalahan di Majlis terutama yang melibatkan kesalahan lalulintas.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada denda dan kompaun :-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda Pelan Bangunan	2,665,000	1,000,000	(1,665,000)	(62.48)
Bayaran Notis - Cukai Taksiran	2,500,000	2,904,500	404,500	16.18
Bayaran Waran Tahanan	130,000	154,000	24,000	18.46
Denda Atas Kontrak Kerja	761,940	1,066,950	305,010	40.03
Bayaran Denda - Perpustakaan MBPJ	6,600	12,000	5,400	81.82
Surcaj Kakitangan	2,000	2,000	0.00	0.00

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Denda Kehilangan Tong Sampah	50,000	50,000	0.00	0.00
Denda Pelanggaran Syarat Lesen Berisiko	17,500	7,500	(10,000)	(57.14)
Caj Notis Peringatan	800	800	0.00	0.00
Kompaun - Jabatan Kesihatan	157,500	265,000	107,500	68.25
Kompaun Penguatkuasa	6,757,740	8,980,000	2,222,260	32.89
Kompaun Jabatan Kawalan Bangunan	200,000	300,000	100,000	50.00
Kompaun Jabatan Kejuruteraan	0	50,000	50,000	100.00
Kompaun Utiliti	0	50,000	50,000	100.00
Jumlah	13,249,080	14,842,750	1,593,670	12.03

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

7.4 Terimaan Bukan Hasil

7.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan dan juga terimaan bayaran balik berjumlah RM10.72 juta yang dijangka akan diterima pada tahun 2022 seperti berikut:-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan	
			RM	%
Caruman Bantuan Kadar	3,672,900	3,279,610	(393,290)	(10.71)
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	0.00	0.00
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,439,310	2,446,910	7,600	0.31
Jumlah	11,112,210	10,726,520	(385,690)	(3.47)

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

8. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2022 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2021* RM	2022 RM	% Agihan	Tambahan/ (Kurangan)	
				RM	%
Perbelanjaan Mengurus	307,381,690	324,098,940	78.90%	16,717,250	5.43
Perbelanjaan Pembangunan	79,281,440	86,629,810	21.10%	7,348,370	8.72
Jumlah	386,663,130	410,728,750	100.00%	24,065,620	6.22

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

8.1 PERBELANJAAN MENGURUS

8.1.1 Perbelanjaan Mengurus boleh dipecahkan kepada 5 kategori seperti berikut:-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	120,375,710	125,703,230	5,327,520	4.43
Perkhidmatan & Bekalan	178,413,080	188,017,000	9,603,920	5.38
Aset	1,607,310	1,669,050	161,740	10.73
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,299,010	1,454,010	455,000	45.55
Perbelanjaan Lain	5,686,580	7,255,650	1,569,070	27.59
Jumlah	307,381,690	324,098,940	16,717,250	5.43

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

Butiran terperinci pembelian aset atau perbelanjaan yang tidak berulang (*One Off*) adalah seperti di Lampiran 1.

8.1.2 Peratus Agihan Perbelanjaan Mengurus

Jika dilihat daripada pecahan peratusan perbelanjaan mengurus pula, peratusnya adalah seperti berikut:

Butiran	2022 RM	Peratus %
Emolumen	125,203,230	38.79
Perkhidmatan & Bekalan	188,017,000	58.01
Aset	1,669,050	0.51
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,454,010	0.44
Perbelanjaan Lain	7,255,650	2.24
Jumlah	324,098,940	100.00

Butiran Perkhidmatan dan Bekalan yang melebihi RM500,000 dan ke atas adalah seperti di Lampiran 2.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

8.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 adalah seperti berikut:-

Butiran	2021* RM	2022 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan & Bekalan	62,393,940	68,553,730	6,159,790	9.87
Menaiktaraf Aset, Menaiktaraf Kemudahan dan Pembelian Aset	16,190,000	19,768,370	3,578,370	22.10
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	697,500	707,540	10,040	1.44
Jumlah	79,281,440	89,029,640	9,748,200	12.30

*Anggaran 2021 selepas semakan semula peruntukan 2021 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil 8 pada 20 September 2021

Pada tahun 2022, Majlis perlu meningkatkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM9.75 Juta. Namun begitu, Majlis merangka semula projek/ kerja infrastruktur yang perlu ditambah baik yang akan memberi impak besar kepada masyarakat. Di bawah Jabatan Kejuruteraan, terdapat 11 Akaun Amanah dan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan, terdapat 6 Akaun Amanah yang berupaya untuk melaksanakan projek pembangunan. Setakat 31 Ogos 2021 akaun-akaun tersebut mempunyai baki berjumlah RM185.03 juta.

Perincian Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di Lampiran 3.

9. ANGGARAN PERJAWATAN TAHUN 2022

Berhadapan dengan pandemik global Covid-19, Sumber Manusia perlu melihat kepada cabaran yang lebih strategik dalam membentuk tenaga kerja yang berdaya saing dalam jangka masa sederhana dan panjang serta mengembangkan dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi, inklusif dan pelbagai bagi memupuk persekitaran kerja yang sihat, selamat dan produktif dengan memaksimumkan potensi individu. Selaras dengan halatuju Kerajaan Negeri Selangor juga untuk mengungguli dari segi ekonomi dan menjadi '*smart state*', warga kerja Majlis perlu pergi lebih jauh dan menjadi aset bernilai dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran kerja mendepani era digitalisasi agar Majlis muncul sebagai sebuah PBT disegani. Halatuju ini juga perlu diterjemahkan melalui semangat kerja berpasukan dan kerjasama erat di antara Ahli Majlis dengan warga kerja Majlis. Justeru itu, peningkatan kualiti kerja secara berterusan yang menekankan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing akan diberi keutamaan di kalangan warga Majlis.

Pada tahun 2022, berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2017 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor, Majlis perlu mematuhi pembekuan sementara bagi pewujudan baru jawatan kontrak kecuali dengan kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi

kewangan tambahan. Oleh itu, tambahan beban tugas akan disusun dan diagihkan di kalangan perjawatan sediada. Kedudukan bilangan perjawatan Majlis sehingga bulan September 2021 adalah seperti berikut:-

BIL	STATUS KAKITANGAN	JUMLAH
1	Tetap	1165
2	Kontrak	716
3	Contract For Service	98
4	Pekerja Sambilan Harian	42
5	Pinjaman	3
JUMLAH BESAR		2024

Manakala ringkasan jumlah waran dan peruntukan jawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Waran/ Peruntukan				Jumlah
		Tetap (BIL. 3/2020)	Kontrak	CFS	PSH/ Sambilan	
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	0	0	0	2
2	Kumpulan Pengurusan & Profesional Kumpulan A	74	44	2	0	120
3	Kumpulan Pelaksana Kumpulan B	226	206	11	0	443
4	Kumpulan Pelaksana Kumpulan C	616	497	46	33	1192
5	Kumpulan Pelaksana Kumpulan D	369	92	17	7	485
6	Kumpulan IMG (Mahir / Separuh Mahir / Tidak Mahir)	7	0	37	0	44
Jumlah Keseluruhan		1294	839	113	40	2286

Majlis juga telah meluluskan penempatan Seramai 45 pekerja 'Contract For Service' (CFS) khidmat jabatan sedia ada sebagai calon yang layak dipertimbangkan ke lantikan *Contract Of Service* (COS) sekiranya telah memenuhi syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan seperti butir-butir berikut:-

Bil	Jabatan	Jawatan	Jumlah
1	Jabatan Perancangan Pembangunan	Pembantu Tadbir	1
2	Jabatan Kejuruteraan	Juruukur Bahan	1
		Penolong Pegawai Tadbir	1
		Penolong Jurutera	5
		Pembantu Tadbir	5
		Pembantu Awam	3
3	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran	Pembantu Tadbir	2
		Pembantu Tadbir (pengawas)	2
		Pembantu Awam	8
4	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	Pembantu Tadbir	1
5	Jabatan Kawalan Bangunan	Pembantu Tadbir	1
6	Jabatan Pembangunan Masyarakat	Pembantu Tadbir (Guru)	2
		Pembantu Operasi (Pengasuh)	6
7	Jabatan Pelesenan	Pembantu Tadbir	3
8	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam	Pegawai Tadbir	1
		Pembantu Tadbir	1
9	Unit Teknologi Maklumat	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	2
JUMLAH			45

Pewujudan jawatan kontrak dan senarai jawatan mansuh (*Trade Off*) adalah seperti berikut:

a) Jawatan Wujud

Bil.	Jawatan Gred	Jumlah Sebulan	Implikasi 1 Jawatan Setahun	Bil Jawatan	Jumlah (RM)
1	Penolong Jurutera Gred JA29	4,061.00	48,732.00	3	146,196.00
2	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	4,061.00	48,732.00	1	48,732.00
3	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	3,596.00	43,153.00	4	172,612.00
4	Pembantu Tadbir (Pengawas)	3,578.00	42,936.00	1	42,936.00
5	Pembantu Tadbir (Guru) Gred N19	3,596.00	43,152.00	2	86,304.00
6	Pembantu Operasi (Pengasuh) Gred N11	3,304.00	39,648.00	3	118,944.00
7	Pembantu Awam Gred H11	3,290.00	39,480.00	3	118,440.00
	JUMLAH	25,486.00	305,833.00	17	734,164.00

b) Jawatan Mansuh

Bil.	Jawatan Gred	Jumlah Sebulan	Implikasi 1 Jawatan Setahun	Bil Jawatan	Jumlah (RM)
1	Pegawai Tadbir Gred N41	5,331.00	63,972.00	1	63,972.00
2	Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41	6,076.00	72,912.00	1	72,912.00
3	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C41	5,836.00	70,032.00	1	70,032.00
4	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred 41	6,289.00	75,468.00	1	75,468.00
5	Pegawai Pertanian Gred G41	5,341.00	64,092.00	1	64,092.00
6	Artis Budaya (Ketua Pereka Tari) Gred B31	6,834.00	82,008.00	1	82,008.00
7	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	3,941.00	47,292.00	2	94,584.00
8	Penolong Pegawai Mutu Makanan Gred C29	3,968.00	47,616.00	1	47,616.00
9	Ahli Muzik (Pentadbiran) Gred B29	3,953.00	47,436.00	1	47,436.00
10	Jururawat Masyarakat Gred U19	3,612.00	43,344.00	1	43,344.00
11	Jurusolek Gred B19	3,612.00	43,344.00	1	43,344.00
12	Artis Budaya (Jurulatih Senibudaya) Gred B19	3,612.00	43,344.00	1	43,344.00
	JUMLAH	58,405.00	700,860.00	13	748,152.00

Permohonan jawatan yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Bajet pada 16 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

9.1 Permohonan jawatan kontrak yang melibatkan *trade off* 2 jawatan sedia ada tanpa implikasi kewangan seperti berikut:

Bil	Jabatan/ Unit	Jawatan Yang Diluluskan	Gred	Jumlah	Implikasi Kewangan (RM)	Catitan
1.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	Pembantu Akauntan	W19	2	0.00	Trade Off 2 Pembantu Penilaian (Kontrak)-Gred W19 sedia ada
JUMLAH				2	0.00	

9.2 Permohonan jawatan kontrak yang melibatkan tukar lantik jawatan tanpa implikasi kewangan seperti berikut:-

Bil	Jabatan/ Unit	Jawatan Yang Diluluskan	Gred	Bil.	Implikasi Kewangan (RM)	Catitan
1	Jabatan Kawalan Bangunan	Penolong Juruukur Bangunan	JA29	1	0.00	Menggantikan jawatan Penolong Pegawai Seni Bina yang menerima jawatan tetap
2	Jabatan Kejuruteraan	Juruukur Bahan	J41	1	0.00	Tukar lantik ke COS
		Penolong Jurutera	JA29	5	0.00	
		Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	0.00	
		Pembantu Tadbir	N19	5	0.00	
3.	Unit Teknologi Maklumat	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	0.00	Tukar lantik ke COS
		Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	2	0.00	
JUMLAH				16	0.00	

- 9.3 Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang telah diluluskan di dalam Bajet 2021 di Jabatan Penguatkuasaan dipindahkan ke Unit Smart City, Jabatan Perancangan Pembangunan. Jawatan ini akan ditukar daripada Gred N41, Pegawai Tadbir kepada Gred F41, Pegawai Teknologi Maklumat. Permohonan perubahan ini dibuat bagi membangunkan program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, memperkembangkan penggunaan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem, memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna, memantau perisian-perisian operasi *control centre* dan pusat data, memantau keselamatan data dan rangkaian serta lain-lain tugas dari masa ke semasa di Unit Smart City, Jabatan Perancangan Pembangunan.
- 9.4 Manakala bagi Jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, FA 29 yang telah diluluskan di dalam Bajet 2022 di Jabatan Perancangan Pembangunan akan dipindahkan ke Jabatan Pelesenan. Jawatan ini akan ditukar daripada Gred FA29, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, kepada Gred N29, Penolong Pegawai Tadbir. Di antara tugas Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 ini di Jabatan Pelesenan adalah bagi menyelaras aktiviti-aktiviti keusahawanan di peringkat Majlis bersama agensi yang berkaitan, mengumpul dan mengemaskini data usahawan dan peniaga Majlis,

memberi khidmat nasihat dan informasi mengenai inisiatif keusahawanan yang disediakan bagi usahawan, menyediakan laporan setiap suku tahun berkaitan aktiviti keusahawanan di Majlis, menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dan lain-lain tugas dari masa ke semasa.

Bil	Jabatan/ Unit	Jawatan Yang Diluluskan	Gred	Bil.	Implikasi Kewangan (RM)	Catitan
1.	Jabatan Perancangan Pembangunan	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	0.00	Peruntukan jawatan kontrak N41 sedia ada Jabatan Penguatkuasaan di pindahkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan dan ditukarkan ke F41
2.	Jabatan Pelesenan	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	0.00	Peruntukan jawatan kontrak F29 sedia ada Jabatan Perancangan Pembangunan di pindahkan ke Jabatan Pelesenan dan ditukarkan ke N29
JUMLAH				2	0.00	

9.5 Permohonan pewujudan jawatan-jawatan yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Bajet tahun 2022 seperti berikut:

Bil	Jabatan/ Unit	Jawatan Yang Diluluskan	Gred	Jumlah	Implikasi Kewangan (RM)
1	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	Pembantu Akauntan	W19	2	0.00
2	Jabatan Kawalan Bangunan	Penolong Juruukur Bangunan	JA29	1	0.00
3	Unit Teknologi Maklumat	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	0.00
4	Jabatan Perancangan Pembangunan	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	0.00
5	Jabatan Pelesenan	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	0.00
Jumlah				6	0.00

9.6 Oleh itu, keseluruhan peruntukan perjawatan Majlis bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Waran/ Peruntukan				Jumlah
		Tetap (BIL. 3/2020)	Kontrak	CFS	PSH/ Sambilan	
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	0	0	0	2
2	Kumpulan Pengurusan & Profesional Kumpulan A	74	41	0	0	115
3	Kumpulan Pelaksana Kumpulan B	226	215	3	0	444
4	Kumpulan Pelaksana Kumpulan C	616	517	28	33	1194
5	Kumpulan Pelaksana Kumpulan D	369	115	0	7	491
6	Kumpulan IMG (Mahir / Separuh Mahir / Tidak Mahir)	7	0	37	0	44
Jumlah Keseluruhan		1294	888	68	40	2290

10. KESIMPULAN

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

Pengalaman Majlis menyediakan bajet secara *defisit* yang lalu membuktikan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengurangkan bajet *defisit* kepada satu jumlah yang munasabah.

Majlis berazam melalui langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah, hasilnya dapat dipulangkan semula kepada penduduk melalui pelbagai program pembangunan dan insentif kepada penduduk Petaling Jaya. Oleh itu, Bajet 2022 yang telah disediakan di harap dapat memenuhi hasrat Majlis untuk mentadbir kawasan Petaling Jaya dengan cekap dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak semua lapisan penduduk selaras dengan tema '***Petaling Jaya Responsif Dan Berdayatahan***'.

Majlis berusaha untuk mentadbir kawasan Majlis dengan lebih telus dan memberi fokus kepada menangani isu-isu semasa pasca Covid-19 dan memenuhi ekspektasi semasa penduduk. Majlis akan terus menguruskan kewangannya secara berhemah dan mematuhi tatacara kewangan yang digunapakai bagi memastikan perbelanjaan yang efektif dan '*value for money*' agar manfaat perbelanjaan itu sampai kepada semua golongan penduduk di Petaling Jaya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bajet Majlis bagi tahun 2022 iaitu Anggaran Hasil berjumlah RM388,742,120, Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM324,098,940, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM86,629,810, Jumlah Bilangan Perjawatan sebanyak 2,290 orang dengan tidak melibatkan implikasi kewangan dan kadar cukai taksiran seperti yang dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(TPr. HAJJAH SHARIPAH MARHAINI BINTI SYED ALI, P.P.T)

Timbalan Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 5 Oktober 2021